

Darurat menuntut komitmen tinggi perkhidmatan awam

Proklamasi darurat sehingga 1 Ogos atau sehingga suatu tarikh lebih awal jika angka kes positif COVID-19 harian dapat dikawal dan diturunkan dengan berkesan, menimbulkan persoalan tentang peranan perkhidmatan awam di negara kita.

Masih ramai kurang faham tafsiran darurat diisytiharkan kali ini, di samping tidak menyedari peranan penting perkhidmatan awam ketika tempoh darurat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, mengeluarkan kenyataan memaklumkan jentera pentadbiran negara dan sektor awam akan terus berfungsi seperti biasa.

Ringkasnya, peranan perkhidmatan awam dan penjawat awam cukup signifikan baik ketika berhadapan dengan krisis kesihatan mahupun dalam tempoh darurat.

Antara pengiktirafan terbesar peranan penjawat awam apabila Ketua Setiausaha Negara sendiri dilantik sebagai pengerusi bersama Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat.

la amanah cukup besar untuk menajui jawatankuasa yang mempunyai peranan dan tanggungjawab cukup penting.

Dalam konteks sama, kita tertarik

dengan harapan besar disandarkan pada bahu penjawat awam dan perkhidmatan awam secara keseluruhannya dalam tempoh darurat ini.

Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Darurat menggariskan beberapa fungsi dan tanggungjawab perkhidmatan awam, antaranya pelaksanaan mobilisasi sumber perkhidmatan awam Persekutuan dan negeri bagi membantu agensi yang memerlukan perkhidmatan mendesak untuk mengawal penularan wabak.

Langkah ini termasuk penjajaran sementara penjawat awam ke tempat yang memerlukan perkhidmatan tambahan. Aset kerajaan kurang optimum penggunaannya seperti kenderaan jabatan akan dikongsi untuk menyokong kelancaran operasi perkhidmatan kritikal supaya lebih bersepadu dan terselaras.

Umumnya, kita dapat lihat kerajaan meletakkan harapan cukup tinggi terhadap perkhidmatan awam dalam membantu menangani krisis kesihatan, sekali gus memastikan jentera pentadbiran berfungsi lebih lancar dan efisien dalam tempoh darurat.

Justeru, setiap penjawat awam perlu berlapang dada dan bersedia untuk berkorban dan memikul harapan serta

tanggungjawab besar, terutama mematuhi arahan penjajaran atau penempatan sementara ke mana-mana agensi, khususnya dalam perkhidmatan sokongan kesihatan dan keselamatan.

Ini penting kerana kedua-dua perkhidmatan ini dilihat semakin terdesak dan memerlukan sokongan tenaga kerja tambahan. Maka, inilah masanya penjawat awam membuktikan sumbangan signifikan masing-masing dalam membantu memerangi wabak ini.

Tuntasnya, negara memerlukan kita, maka jangan ada sentimen tidak boleh berubah atau tidak mahu bekerja di tempat lain walaupun untuk tempoh sementara.

Penjawat awam juga boleh mengambil peluang penjajaran ini untuk membuktikan kemampuan dalam melaksanakan skop tugas yang pelbagai dengan cekap dan efisien.

Kita pernah berhadapan krisis politik pada awal tahun lalu, di mana hanya ada Perdana Menteri Interim tanpa barisan jemaah menteri. Kini, kita berhadapan pengisytiharan darurat serta krisis kesihatan dan ekonomi yang cukup kritikal.

Namun, kita dapat lihat walau apapun

situasinya mahupun krisis yang kita hadapi, jentera perkhidmatan awam tetap berjalan lancar dan efisien terutama dengan pelaksanaan pelbagai norma baharu dalam perkhidmatan awam termasuklah amalan bekerja dari rumah.

Ini terbukti apabila rakyat masih dapat menerima perkhidmatan disediakan agensi kerajaan tanpa sebarang masalah. Pelbagai inovasi diperkenalkan atas paksi norma baharu seperti peningkatan pelbagai perkhidmatan dalam talian membolehkan rakyat memperoleh perkhidmatan dengan lebih cepat dan mudah.

Justeru, rakyat perlu terus menyokong dan meletakkan keyakinan tinggi terhadap komitmen penjawat awam serta sumbangan perkhidmatan awam dalam mengharungi tempoh darurat.

Semoga mantera 'Berkhidmat Untuk Negara' menjadi azimat penting dalam meneruskan momentum sumbangan penjawat awam, sekali gus melestarikan kecemerlangan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

*Noor Mohamad Shakil Hameed,
Pentadbir universiti*